

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

**HKN 205/NSK 016 - Puisi Melayu dan Indonesia Moden**

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**Bahagian A:**

1. Walaupun Usman Awang selalu memperbaharui sajak-sajaknya sedikit demi sedikit baik dari segi gaya dan bahasa mahupun dari segi teknik pengucapan, namun beliau tidak pernah mengingkari cita-cita ASAS-50 dalam penulisan puisinya. Bincangkan.
2. Buktikan bahawa keistimewaan sajak Kassim Ahmad yang bertajuk "Jalan ke Parlimen" dalam kumpulan sajak Kemarau di Lembah terletak pada penggunaan watak-watak penting dari sejarah Alam Melayu untuk membawa erti simbolik tertentu.
3. Menurut pandangan para sarjana puisi Melayu moden kebanyakannya sajak Latiff Mohidin boleh dicirikan sebagai puisi yang kaya-raya dengan perlambangan yang surreal dan bersifat arketaip (tipainduk). Bincangkan.
4. Buat analisis tentang bagaimana Muhammad Haji Salleh membidas sikap dan mentaliti masyarakat sezamannya dalam sajak bertajuk "Cetera yang ketiga puluh empat" dalam kumpulan Sajak-Sajak Sejarah Melayu.

**Bahagian B:**

5. Bincangkan buah fikiran dan sikap Chairil Anwar berdasarkan sajak-sajak "Aku", "Kepada Peminta-Minta" dan "Doa".
6. Pada Amir Hamzah ada nampak pengaruh-pengaruh mistik, tapi dia bukanlah seorang mistikus dalam pengertian telah mencapai penyatuan diri dengan Yang Abadi.

(H.B. Jassin)

Kemukakan pandangan anda, sejauhmanakah benarnya pendapat H.B. Jasin ini berdasarkan sajak-sajak Amir Hamzah yang terkumpul di dalam Nyanyi Sunyi.

7. Perjuangan dan rasa simpati W.S. Rendra terhadap golongan bawahan tergambar di dalam kebanyakan sajaknya. Buktikan sejauhmanakah perjuangan dan rasa simpati itu terungkap di dalam sajak-sajak "Bersatulah Pelacur-Pelacur Kota Jakarta," "Nyanyian Angsa" dan "Perjalanan Bu Aminah."
8. Berdasarkan sajak "Tragedi Winka Sihkha" dan "Sudah Waktu" karya Sutardji Calzoum Bachri yang dilampirkan, bincangkan dari segi isi dan bentuknya, dan kemukakan pandangan anda tentang sumbangan bentuk tipografi berkenaan terhadap perkembangan puisi Indonesia.

...Lampiran  
...3/

Lampiran

**TRAGEDI WINKA & SIKHKA**

kawin

kawin

kawin

kawin

kawin

ka

win

ka

win

ka

win

ka

win

ka

winka

winka

sihka

sihka

sihka

sih

ka

sih

ka

sih

ka

sih

ka

sih

ka

sih

sih

ka

sih

sih

ka

sih

sih

ka

Ku

...Lampiran

...4/

Lampiran

**SUDAH WAKTU**

sudah waktunya sekarang  
kau mengembalikan

rumput  
tangkai  
ranting  
pepohonan  
kedalam dirimu

sudah waktunya

memasukkan kembali  
seluruh langit  
semua langit  
setiap darat  
kedalam dirimu

karena asal tanah itu kau  
asal langit itu kau  
asal laut itu kau  
asal jagad itu kau

jadi

bersiapsiaplah  
kuatkuatkan  
tahankan  
dan  
hormati dirimu:  
ludahlah!

1975

-- oo000oo --